

KESANTUNAN PANTUN MELAYU SARAWAK
[THE POLITENESS WORDS OF SARAWAK MALAY'S PANTUN]

*Hamsiah Bt Juki**

Che Ibrahim Salleh

Universiti Putra Malaysia, Malaysia

hamsiahjuki1972@gmail.com

ABSTRAK

Kesantunan telah menjadi darah daging dalam budaya dan kehidupan orang Melayu. Kesantunan bukan sahaja dapat dilihat dari aspek kehidupan biasa seperti dalam ujaran lisan tetapi juga dapat dilihat dalam penulisan khususnya yang berkaitan dalam penghasilan pantun. Pantun Melayu Sarawak khususnya adalah pantun yang digunakan semasa bermukun dalam masyarakat Melayu Sarawak sejak dahulu lagi terutama semasa majlis perkahwinan, majlis menyambut orang besar dan sebagainya. Penggunaan wacana yang ada dalam pantun Melayu Sarawak memperlihatkan kesantunan yang terdapat dalam masyarakat Melayu Sarawak. Objektif kajian ialah mengenal pasti bentuk pantun Melayu Sarawak, membincangkan unsur kesantunan dalam pantun Melayu Sarawak dan merumuskan kesantunan pantun Melayu Sarawak dari segi makna asal dan makna kiasan. Sebanyak 35 rangkap pantun yang dipilih hasil kajian yang dijalankan di beberapa buah kampung dan mendapati bahawa Kampung Sejaie salah sebuah kampung yang terletak di Kota Samarahan masih mengamalkan budaya bermukun yang menggunakan pantun sebagai bahan utama semasa bermukun. Bermukun telah lama diamalkan tetapi sejak kebelakangan ini budaya tersebut semakin menipis dalam kalangan masyarakat dan

menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian yang lebih berfokuskan unsur santun yang digunakan dalam pantun tersebut bagi mengekalkan budaya dan khazanah lama yang semakin lapuk dek zaman. Pantun yang dihasilkan adalah lebih kepada penggunaan dialek Sarawak yang mempunyai makna yang berbeza da nada yang sama dengan makna yang digunakan dalam bahasa Melayu namun kajian juga melihat makna tersirat atau kiasan yang terdapat dalam penggunaan perkataan dalam pantun tersebut.

Kata Kunci: santun, pantun, Sarawak, dialek, bermukun

ABSTRACT

Politeness has become ingrained in the culture and life of the Malays. Modesty not only be viewed from the aspect of ordinary life in oral speech but also can be seen in the literature, especially related to the production of rice. Sarawak Malay poem is a poem that is used especially during bermukun in Sarawak Malay community over the years, especially during weddings, large and welcoming people sebagainya. Penggunaan existing discourse in Sarawak Malay poem shows that there is modesty in Sarawak Malay community. The objective of the study is to identify the shape of the Sarawak Malay poetry, discussing the elements of modesty in Sarawak Malay poetry and courtly poem sums up the Sarawak Malay terms of the original meaning and figurative meaning. A total of 35 copies of a poem selected results of studies conducted in several villages and found that Kampung Sejaie one of the villages located in Kota Samarahan still practicing bermukun using rice as a main ingredient during bermukun. Bermukun has long been practiced in recent years but the dwindling culture in Halagan community and attract researchers to conduct a study that focuses on the elements of a decent used in the poem is to preserve the culture and heritage of the old timeless. The resulting poem is preferable to use Sarawak dialect that has a different meaning from the same vein with the meaning used in the Malay language but

also study the implicit meaning or metaphor inherent in the use of the word in the poem.

Keywords: decent, poetry, Sarawak, dialect, bermukun

PENGENALAN

Kata santun diberi makna Kamus Dewan sebagai 'halus' (budi bahasa atau budi pekerti), beradab, sopan'. Oleh itu kesantunan adalah berkaitan dengan kesantunan sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti dan kesopanan. Secara umumnya, merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, beradab akan memancar peribadi yang mulia dalam pertuturan dan juga tingkahlaku. Dalam usaha melahirkan generasi muda yang bertamadun tinggi kesopanan dan kesantunan perlulah diberi perhatian sepenuhnya bagi memastikan kejayaan bangsa dalam semua bidang.

Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (1995:1614) santun sebagai halus budi pekerti dan sopan, ialah halus budi bahasa atau budi pekerti, beradab dan sopan, manakala kesantunan ialah perihal atau sifat kesopanan, kehalusan budi bahasa atau budi pekerti. Menurut A.Aziz Deraman (2001:135), kesantunan memperlihatkan sikap yang mengandungi nilai sopan santun dan etika dalam pergaulan. Kesantunan bukan hanya dapat dilihat dalam kesantunan dalam ucapan namun juga dapat dilihat dalam penulisan khususnya dalam penghasilan pantun. Orang Melayu memang terkenal dengan adab serta kesopanan. Orang Melayu tidak akan menyatakan sesuatu dengan terang-terangan sebaliknya disampaikan melalui pantun.sajak, peribahasa dan juga sebagainya. Perantaraan ini menjelaskan bahawa orang Melayu sangat menjaga kesantunan.

Kesantunan bukan sahaja terletak dalam peribahasa seperti bahasa jiwa bangsa, bahasa menunjukkan bangsa dan sebagainya namun sangat jelas penggunaannya dalam pantun Melayu. Antara contoh pantun yang mencerminkan kesantunan bahasa ialah;

Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa,

Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bangsa.

(Awang Sariyan 2007:10)

Pantun juga merupakan puisi Melayu lama yang menggambarkan kehalusan budi dan keprihatinan masyarakat pada waktu itu terhadap alam dan ruang lingkup budayanya. Ruang lingkup budaya masyarakat Melayu lama bukan sekadar berkisar dalam diri, antara lainnya seperti sedih, hiba, sayu, kasih dan benci tetapi melebar kepada soal-soal sindiran, kiasan. Cinta tanah air, pelayaran, ekonomi dan hubungan diplomatik. Penyusunan sesuatu pantun itu dapat dilihat dari segi kemahiran penciptanya melahirkan rima dengan baris-baris maksud pantun tersebut. Pantun amat diminati ramai, ini dapat dilihat apabila pantun digunakan secara meluas dalam kehidupan harian dan seni budaya masyarakat Melayu lama, seperti dalam acara permainan, hiburan, majlis keramaian, adat istiadat atau upacara.

Selain itu, pantun juga dikenali sebagai artifak budaya dan masyarakat. Dalam budaya ia mempunyai bukan sahaja fungsi tetapi status, iaitu susunan nilai, sementara dalam masyarakat pula, ia merupakan alat komunikasi yang mempunyai fungsi yang tersendiri. Namun kedua-dua aspek ini walaupun boleh dibezakan, tetapi sebenarnya berkaitan dan berpadu seperti juga budaya dan masyarakat merupakan dua permukaan pada satu duit syiling. Dikatakan juga artifak budaya kerana ia tidak datang bergolek atau pemberian kuasa yang agung, tetapi ciptaan manusia yang mendukung budaya dan menganggotai masyarakat itu. Tidak dapat disangkal bahawa pantun berkait rapat dengan penggunaan bahasa Melayu.

Pantun juga meneroka ke alam kesenian penggunaan bahasa itu, seperti pemilihan kata yang indah dan tepat dari segi makna, rima serta kiasan, dan dari segi daya melahirkan intelek yang tinggi, seperti falsafah terhadap hidup manusia. Orang Melayu dan pantun memang tidak dapat dipisahkan. Jiwa orang Melayu seolah-olah terikat dengan bentuk dan cara pengungkapan melalui pantun.

Pada suatu ketika dahulu, pantun merupakan bentuk pengucapan yang amat berkesan, terutama apabila ingin menyatakan sesuatu secara halus. Kini sudah wujud cara-cara lain untuk menyampaikan mesej dalam kalangan masyarakat Melayu, dan mungkin jiwa Melayu telah berubah sehingga saluran berpantun telah diambil alih oleh cara-cara lain yang dianggap lebih moden dan canggih.

Namun, dalam kalangan tertentu masyarakat kita pada masa ini, pantun masih segar dan berfungsi, misalnya dalam lagu-lagu yang dinyanyikan dan di majlis-majlis formal, seperti upacara nikah kahwin dan ucapan-ucapan rasmi. Salah satu sebab pantun begitu mesra dengan jiwa Melayu adalah kerana unsur keindahannya. Bentuk pantun menjadi satu saluran yang amat berkesan bagi menyampaikan perasaan yang halus. Orang Melayu terkenal dengan cara tersendiri dalam menyampaikan mesej, apatah lagi bagi mesej yang halus tetapi mempunyai makna yang tajam bertujuan untuk menegur agar tidak memberi malu atau melukakan hati pihak yang dituju.

Orang Melayu memang terkenal dengan kehalusan budi dan kelembutan berbahasa. Sesuatu hajat, hasrat dan permintaan tidak dinyatakan secara terus terang tetapi lebih manis kalau diungkapkan secara berkias dan diselitkan kesantunan berbahasa. Budaya Melayu yang telah diwarisi sejak zaman berzaman menunjukkan kelembutan bahasa dan kelunakan pengucapan. Kelembutan pengucapan dan kehalusan berbahasa ini dipertahankan generasi demi generasi melalui apa-apa yang dianggap sebagai kelompok kata atau ayat yang mempunyai susunan dan bentuk yang tetap dan mendukung maksud yang tertentu pula.

Jenis bahasa yang lazim terpakai dalam kalangan masyarakat sebagai menunjukkan kesantunan dapat dilihat dalam penggunaan pantun Melayu Sarawak. Pantun Melayu Sarawak semakin pupus dengan perubahan masa namun aspek kesantunan yang terdapat dalam pantun tersebut sememangnya telah berakar umbi dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang masih mengamalkan tradisi berpantun dalam majlis perkahwinan yang dinamakan sebagai bermukun. Kini, walaupun dalam dunia tanpa sempadan

pantun masih merupakan salah satu keistimewaan bangsa Melayu Sarawak semasa majlis perkahwinan walaupun tidak seperti dahulu kerana corak hiburan lain yang lebih menjadi pilihan generasi yang baharu.

Pantun Melayu Sarawak terdiri daripada tiga elemen utama iaitu dendangan, menopeng dan bertandak. Selain dari tiga perkara di atas, terdapat elemen sampingan lain seperti koreografi, zapin dan alat muzik seperti biola, akordian dan gong. Bagi acara berpantun, nyanyian pantun berubah-ubah mengikut kemahiran Seh Gendang dan penggesek biola Irama pantun tersebut berdasarkan pembayang maksud pantun tersebut. Antara irama pantun mukun yang terkenal ialah irama Labuan, menyubuh, asam paya, samsudin, air amboi, selendang mayang, bintang beralih, saying Sarawak, bercerai kasih, air pasang dan laila majnun.

Menurut Mohammad Syawal Narawi (2016) mendapati bahawa pantun Melayu Sarawak mempunyai nilai murni yang dapat dijadikan wadah untuk mengungkapkan mesej sebagai pedoman hidup masyarakat Melayu Sarawak. Mesej tersebut dapat menjadi cerminan kepelbagaian budaya masyarakat Melayu Sarawak. Beliau berpendapat bahawa dengan aktiviti bermukim beberapa mesej dapat disampaikan kepada pendengar. Hal ini berbeza dengan pengkaji kerana pengkaji melihat aspek yang berkaitan dengan makna tersurat dan tersirat yang terdapat dalam pantun disamping tidak mengetepikan kesantunan yang digunakan dalam pantun tersebut.

Kesantunan bahasa yang digunakan dalam pantun Melayu Sarawak telah mendarah daging dan menjadi lambang jati diri bangsa Melayu sejak zaman berzaman. Pendek kata, orang Melayu sudah sekian lama disinonimkan dengan kesantunan dalam berbahasa dan juga perlakuan. Jadi, demi kelangsungan jati diri bangsa Melayu yang unggul dan gemilang, semestinya setiap lapisan masyarakat terus menyemarakkan penggunaan bahasa yang santun dalam kehidupan seharian. Ternyata nilai murni dalam budi bahasa memberikan kekuatan sosial dan moral serta membentuk budaya tinggi sesebuah masyarakat. Bangsa yang maju mengamalkan bahasa budaya tinggi yang dituturkan dengan cara

yang halus, menarik, berkesan, bersopan santun, mempunyai nilai estetik, intelektual dan nilai budaya yang mencerminkan tamadun dan kesusilaan bangsa yang berperibadi tinggi.

Jadi, tidak hairanlah wujudnya puisi seperti pantun, gurindam, seloka, nazam, dan sebagainya untuk menggambarkan kehalusan dan budi tutur bicara masyarakat Melayu dan tidak ketinggalan masyarakat Melayu Sarawak yang mengandungi unsur tersirat dan juga kesantunan dalam berbahasa demi menjaga hati dan hubungan yang baik sesama mereka. Setiap perkara yang ingin dinyatakan sering dikaitkan dengan sesuatu dan tidak dinyatakan secara terus. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu mempunyai sifat malu yang amat tinggi dan juga sangat mementingkan kehalusan bicara serta kesantunan bahasa melalui kata-kata yang dituturkan.

Antara pantun Melayu yang menekankan pentingnya setiap orang menjaga kesantunan dan berbudi bahasa terutama dalam aspek mengengang budi dan jasa orang lain ialah:

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
*Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.*

Tinggi bukit gilang-gemilang
Air laut tenang-tenangan
*Budi sedikit tidakkan hilang
Itu menjadi kenang-kenangan*

Jentayu burung jentayu
Hinggap dibalik pokok mayang
*Bunga kembang akan layu
Budi baik bilakan hilang*

(Sumber dari [Http://Aliashamzah2095.Blogspot.My/P/Pantun-Budi_09.Html](http://Aliashamzah2095.Blogspot.My/P/Pantun-Budi_09.Html))

Pantun Melayu di atas, sudah cukup jelas mengatakan bahawa masyarakat Melayu amat menitikberatkan aspek budi yang sekaligus mencerminkan kesantunan dalam komunikasi seharian mereka. Mereka amat mementingkan penggunaan bahasa yang disulami kehalusan dan tatabudu bicara yang baik dan bersopan, Komunikasi yang baik, santun dan sopan amat penting dalam menjaga hubungan dalam sesuatu hubungan dalam sesebuah masyarakat. Setiap kebaikan ataupun kejahatan perlu dibalas dengan kebaikan dan perlu dihargai sebagai menunjukkan betapa pentingnya kesantunan tersebut.

Menurut Indirawati Zahid (2011:108) memperjelaskan dalam konteks masyarakat Melayu aspek kesantunan yang merupakan antara perkara yang mesti ada pada masyarakat Melayu kerana masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan budi bahasa, sopan santun, lemah lembut dan mempunyai segala ciri yang baik dan murni serta yang seumpamanya dan kesantunan yang dimiliki oleh orang Melayu adalah tidak sama dengan masyarakat yang lain.

Walaupun, kebelakangan ini kesantunan bukan lagi dilihat sebagai sesuatu perkara yang perlu dijaga. Penggunaan bahasa yang kasar dan tidak beradab sudah mula digunakan dengan berleluasa. Kehalusan budi dan kesopanan Melayu sudah semakin nipis dan bukan lagi sesuatu perkara yang perlu diambil berat.

Objektif

1. Mengenalpasti dan membincangkan bentuk pantun Melayu Sarawak.
2. Membincangkan unsur kesantunan dalam pantun Melayu Sarawak.
3. Merumuskan kesantunan pantun Melayu Sarawak dari segi makna asal dan makna kiasan.

METODOLOGI

Perbincangan ini akan menghuraikan dengan lebih jelas perkara-perkara penting berkaitan penyelidikan seperti kaedah kajian, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan penganalisan data bagi melengkapkan kajian. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perbezaan makna asal dengan makna tersirat di menggunakan analisis komponen makna dan melihat kaitan konteks bahasa yang digunakan dalam pantun menggunakan teori relevans berdasarkan pantun yang telah dipilih.

Reka bentuk Kajian

Reka bentuk sesuatu kajian berupaya membantu pengkaji dalam proses pengutipan, penganalisan dan interpretasi pemerhatian (Nachmias & Nachmias. 1976). Ia juga membolehkan pengkaji menjawab persoalan kajian dengan sah, objektif, tepa ekonomik (Kerlinger, 1973). Kajian yang dijalankan adalah kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mengkaji kesantunan berbahasa dalam pantun Melayu Sarawak. Kajian ini adalah untuk mengetahui penggunaan bahasa yang santun dalam pantun Melayu untuk mengetahui makna tersirat dan tersurat.

Kerangka Teori

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori sebagai panduan untuk menganalisis data. Ini kerana teori merupakan rumusan yang dapat merumus pendapat dan juga pandangan yang mengandungi satu konsep analisis yang dapat ditafsir untuk menjelaskan makna kiasan yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak. Menurut (media Sandra Kasih, 2000:88) Teori juga merupakan satu skema yang boleh digunakan atau boleh difikirkan untuk memahami sesuatu fenomena seperti menyatakan arah penyelidikan. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori relevans.

Teori Relevans

Teori relevan telah dicadangkan oleh Sperber dan Wilson (1986) untuk menggantikan teori Grice yang mempunyai beberapa kelemahan (Nor Hashimah Jalaluddin 1992:33).Teori relevan mencakup fakta yang berkaitan dengan perkembangan dan pembentukan pemilihan konteks serta prinsip relevans. Teori ini menekankan aspek aspek perbualan lisan, dimensi penggunaan bahasa dari segi deskriptif dan interpretif, ujaran,literal,ujaran gemaan,metafora,ironi dan juga pertuturan (*speech acts*). Teori ini menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami oleh penutur dan juga pendengar. Dalam hal ini penutur perlu menggunakan ujaran yang diungkapkan dengan relevans agar dapat difahami oleh pendengar yang mendengar.

Dengan kata lain, penutur dapat memastikan apa yang diperkatakan itu mempunyai ciri yang relevans yang optimal iaitu maksud maksud setiap ujaran tersebut dapat dikesan dengan mempunyai kesan-kesan konteks yang maksimum yang boleh difahami dan dirumuskan dalam jangka masa yang singkat. Konteks yang digunakan juga tidak lari dan selari dengan kos memproses untuk menghasilkan kandungan maklumat yang sebenar. Menurut Abdullah Yusof *et. al* (2009:302), teori ini lebih menekankan tiga gagasan utama iaitu konteks,kesan konteks dan usaha memproses. Konteks merupakan andaian tentang dunia atau pengetahuan yang dibina secara psikologi oleh pendengar.

Konteks ini tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran apabila ssuatu ujaran itu diungkapkan. Menurut Sperber dan Wilson dalam Abdullah *et. al* (2009:304), konteks boleh merupakan masa depan,hipotesis saintifik atau kepercayaan agama,kenangan lucu,andaian am mengenai budaya dan kepercayaan terhadap pemikir si penutur yang menggunakan ungkapan tersebut. Oleh itu, kesemua faktor yang dapat membina konteks tersebut memainkan peranan penting dalam menginterpretasikan sesuatu ujaran tersebut.

Dalam mengungkapkan ujaran, pembinaan konteks ialah penting dalam menetapkan apa yang diinterpretasikan oleh

pendengar kerana pendengar akan menetapkan konteks yang sesuai untuk melahirkan kesan konteks yang dimaksudkan. Menurut Nor Hashimah Jalaludin dalam Abdullah Yusof et. al (2009), untuk konteks pengembangan, konteks awal boleh dijalankan dengan tiga cara iaitu melalui penglihatan ke arah ujaran, penglihatan kepada alam sekitar dan merujuk kepada ensiklopedia. Selain itu, kesan konteks juga sangat penting dalam menghuraikan proses pemahaman sesuatu ujaran yang digunakan.

Setiap ujaran tersebut lebih relevans jika kesan konteks dapat difahami oleh pendengar dan diproses dengan cara yang betul untuk memastikan kerelevanan sesuatu ujaran yang digunakan. Dalam Abdullah et. al (2009), kesan konteks merupakan andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevans dengan diri pendengar. Sesuatu ujaran akan dianggap menjadi lebih relevans jika mempunyai lebih banyak konteks. Dalam sesuatu perbualan, seseorang pendengar akan mengabungkan atau memperkuat atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada untuk menghasilkan kesan konteks.

Menurut Abdullah Yusuf et. al (2009:307) kos memproses merujuk kepada usaha untuk menginterpretasikan ujaran. Untuk pihak pendengar, merujuk kepada usaha memproses maklumat manakala untuk pihak penutur pula merujuk kepada usaha untuk memastikan ujaran mereka dapat difahami oleh pendengar. Sekiranya ujaran itu dapat difahami oleh pendengar dengan mudah, maka kos memproses maklumat terhadap ujaran tersebut ialah akan dianggap rendah. Akan tetapi, apabila ujaran yang dihasilkan itu penuh dengan soalan-soalan dan ketidakfahaman, perkara ini akan meningkatkan lagi kos memproses sesuatu ujaran yang akan dan sedang diujarkan.

Dengan perbualan, sesuatu ujaran akan dianggap kurang relevans sekiranya kos memproses ialah tinggi. Untuk pihak penutur, kos memproses penting untuk memastikan ujarannya dapat difahami dengan mudah oleh pendengar, Secara kesimpulannya, semakin banyak kesan konteks yang diperoleh, semakin kurang usaha memproses yang diperlukan. , maka semakin

relevanslah ujaran yang digunakan tersebut. Hal ini bermakna bahawa semakin tinggi kesan konteks maka relevanslah sesuatu ujaran dan semakin rendah kos memproses maka semakin relevans sesuatu ujaran (Abdullah Yusof *et. al* 2009; 308).

Teori relevans yang merupakan salah satu teori dalam semantik dan pragmatik telah memperlihatkan hubungan antara komunikasi dan kognitif. Teori ini cuba menjelaskan hubungan yang erat antara peranan minda manusia dengan cara yang digunakan semasa berkomunikasi yang perlu diproses untuk mencari makna yang sebenar.

Kerangka Konsepsi

Kerangka konsepsi merupakan sesebuah penyelidikan dan menjadi panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian. Sabitha Marican (2009:51), menjelaskan bahawa kerangka konsepsi sebagai satu tentatif yang dibangunkan dengan sepenuhnya dan juga merupakan satu set konsep yang berkaitan antara satu sama lain dalam cara yang logical dan berhubung dengan fenomena yang dikaji. Dalam konteks penyelidikan, kerangka konsepsi yang dipilih untuk membimbing dan memudahkan pengkaji menjalankan kajian agar tidak lari dan tersasar dari perancangan yang sepatutnya.

Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan kaedah kajian lapangan dengan mendapatkan bahan pantun Melayu Sarawak dari penduduk Kampung Sejaie yang masih mengamalkan budaya berpantun semasa bermukun. Kajian yang dijalankan ini juga menggunakan penyelidikan kualitatif. Menurut Creswell dalam Othman Lebar (2011: 9) mendefinisikan penyelidikan kualitatif ialah satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia, berdasarkan kepada gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informal yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan sebenar dan semula jadi. Dalam

penyelidikan kualitatif ini, data yang diperoleh merupakan data yang berbentuk penceritaan atau pernyataan.

Kajian ini memerlukan pemahaman yang mendalam teori relevans kerana analisis makna perkataan yang dinilai adalah berdasarkan teori tersebut. Bagi pemilihan pantun yang telah diperolehi semasa membuat kajian lapangan yang dijalankan di sebuah Kampung bernama Sejaie pengkaji memilih pantun yang sesuai mengikut tema yang bersesuaian untuk dianalisis dan ini dibantu oleh 5 orang responden yang merupakan orang yang bergerak aktif dengan aktiviti bermukim dan telah lama mengenali pantun dengan lebih mendalam serta mengetahui makna sebenar di sebalik pantun yang telah mereka cipta dan hasilkan. Pengkaji akan meneliti aspek-aspek kesantunan yang ada dalam peribahasa sebelum dipilih untuk dianalisis menggunakan analisis komponen makna dan analisis teori relevans.

Tempat kajian

Kajian dijalankan di Kampung Sejaie yang terletak di pinggiran Batang Sadong yang merupakan sebuah perkampungan kecil yang masih mengamalkan budaya bermukim menggunakan pantun dalam acara perkahwinan. Pantun yang diperolehi oleh pengkaji ialah pantun yang dihasilkan sendiri oleh responden yang dikaji. Terdapat empat orang perempuan dan seorang lelaki yang dijadikan rujukan oleh pengkaji unruk mendapatkan pantun yang benar-benar tulen dan bersesuaian dengan kajian pengkaji.

Rasional memilih tempat kajian:

1. Kuching ialah tempat asal pengkaji dan ingin mendalami pantun Melayu Sarawak yang semakin terpinggir dan semakin jarang digunakan.
2. Faktor pendidikan masyarakat Melayu yang semakin berkembang kerana generasi baharu yang semakin berpendidikan sudah semestinya ingin mengetahui pantun Melayu Sarawak yang semakin terpinggir.

3. Asal usul pengkaji yang bukan merupakan orang Melayu tulen menyebabkan pengkaji semakin berminat untuk menambah pengetahuan kaum Sarawak yang kebanyakannya berbilang bangsa.
4. Dialek Melayu Sarawak boleh difahami oleh masyarakat Melayu Sarawak yang lain sekaligus memperkembangkan lagi penggunaan dialek Sarawak keluar dari hanya diketahui oleh masyarakat Melayu Sarawak sahaja.
5. Menambah dan mewujudkan koleksi pantun Melayu Sarawak yang tidak ada untuk rujukan generasi yang akan datang.

Populasi dan Persampelan

Sampel kajian yang terdapat dalam kajian ini terdiri daripada 35 rangkap pantun kiasan yang telah dipilih hasil kajian lapangan yang telah dijalankan oleh pengkaji;

Alatan Kajian

Kajian ini menggunakan pantun dan kamus dewan bagi mencari makna asal dan kiasan dalam pantun tersebut, sebanyak 35 rangkap pantun pelbagai tema yang dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Pengkaji akan memberikan definisi pantun tersebut dalam dua makna iaitu makna asal dan makna kiasan. Makna asal dirujuk menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) bagi setiap perkataan dalam peribahasa tersebut. Manakala, makna kiasan dirujuk dengan melihat aspek makna sebenar yang dimaksudkan dalam dialek Melayu Sarawak.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Alatan Kajian

Aspek yang dianalisis dalam pantun yang dipilih ialah mengenalpasti dan membincangkan bentuk, membincangkan unsur kesantunan yang terdapat dalam penggunaan perkataan dan merumuskan kesantunan dalam pantun Sarawak dari aspek makna

asal dan makna kiasan yang digunakan dalam pantun Melayu Sarawak.

Pantun yang telah dipilih sebanyak 35 rangkap pantun adalah pantun yang diperolehi hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji semasa membuat kajian lapangan. Pantun yang telah dipilih tersebut adalah bahan utama yang dianalisis untuk mendapatkan maklumat seperti yang terkandung dalam objektif. Pantun yang dipilih juga mempunyai pelbagai tema yang bersesuaian untuk kajian iaitu tema cinta dan kemasyarakatan yang semuanya mempunyai makna kiasan.

Tatacara Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah melakukan prosedur kajian seperti berikut:

Kajian Lapangan

Prosedur kedua yang dijalankan pengkaji ialah membuat rujukan. Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat rujukan daripada kamus, buku, majalah, jurnal, contoh-contoh tesis dan laman sesawang bagi melihat gambaran awal dan maklumat terhadap tajuk yang dipilih. Selain itu, pengalaman sedia ada pengkaji dan rakan-rakan juga banyak membantu pengkaji bagi menjalankan kajian ini.

Pengumpulan Data

Menurut Othman Lebar (2011:106), mengumpul maklumat melalui pemerhatian, temu bual, dokumen dan bahan-bahan visual perlu dinyatakan data atau jenis data yang akan dikumpul dan menyediakan rasional untuk pengumpulan data. Data yang berkaitan dengan kajian telah dikumpul pengkaji melalui pembacaan daripada kamus, buku, majalah, artikel dan juga dari laman sesawang. Setiap data yang dikumpul pengkaji adalah pantun yang mengandungi unsur kesantunan. Pantun yang diperolehi hasil

dari kajian lapangan disalin dan dikumpul serta ditaip semula. Kebanyak pantun yang diperolehi adalah hasil temubual dan dapatan daripada responden yang berkaitan.

Menulis Laporan Kajian

Dalam proses ini pengkaji akan menganalisis pantun Melayu Sarawak yang telah dikumpul dan diperolehi dari hasil kumpulan data yang dilakukan serta bersesuaian dengan keperluan pantun yang bersesuaian dengan kesantunan Pengkaji menggunakan makna yang tersirat dalam pembayang dan juga maksud dalam pantun untuk mengesan makna tersirat dan makna berkias di samping mengesan kesantunan bahasa yang digunakan dalam menghasilkan pantun tersebut. Pantun dianalisis satu persatu menggunakan teori relevans.

Penganalisan Data

Analisis data dilakukan bagi memenuhi dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu seperti yang berikut:

1. Apakah bentuk yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak.
2. Adakah perkataan dalam pantun Melayu Sarawak mempunyai unsur kesantunan.
3. Apakah makna asal dan makna tersurat yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak ?

Dapatan kajian yang diperolehi akan dianalisis menggunakan komponen makna dan teori relevans. Pengkaji akan menganalisis 35 rangkap pantun kiasan yang mempunyai makna asal dan tersurat serta ciri-ciri kesantunan yang bersesuaian dengan masyarakat Melayu Sarawak.

Permasalahan

Kesantunan dalam kalangan masyarakat Melayu sekarang semakin dilupakan dan semakin tidak dipedulikan. Banyak berlaku kekasaran bahasa yang digunakan dalam kalangan masyarakat kini yang sudah pasti sangat membimbangkan. Selain itu, penggunaan pantun Melayu Sarawak juga semakin terpinggir dan semakin tidak dikenali oleh generasi muda sekarang. Penggunaan pantun semasa bermukim sudah semakin kurang kedengaran. Hal ini sudah pasti akan mengundang kehilangan budaya malah juga tidak dapat mengetahui makna sebenar yang mencerminkan kesantunan dalam pantun tersebut.

Akhir-akhir ini semakin banyak orang yang mempunyai bahasa tetapi tidak berbahasa, iaitu tiada kesantunan bahasa. Baik orang tua, muda, orang bawahan mahupun orang atasan. Hal ini berlaku di tempat kerja seperti di kilang, difirma swasta, di pejabat kerajaan, dan turut berlaku di rumah, tempat membeli belah dan juga di sekolah. Kesantunan bahasa semakin tidak diberi perhatian. Bukan sahaja dalam perbualan lisan malah juga dalam penulisan. Hal ini sudah pastinya akan merosakan budaya bangsa yang ada seperti zaman dahulu. Budaya ini seharusnya dikekalkan dan pantun yang selalu mencerminkan kesantunan dan budi bahasa perlu difahami oleh generasi sekarang.

Dahulu, pantun Melayu Sarawak menjadi kegilaan semasa majlis perkahwinan yang diadakan dengan didendangkan semasa bermukim. Kesantunan yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak mencerminkan budi bahasa masyarakat yang ada pada masa tersebut. Kini, pantun Melayu Sarawak semakin tidak dikenali malah tidak siapa yang dapat memahami baris makna yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak tersebut. Hal ini menarik perhatian pengkaji untuk membuat kajian kerana pantun Melayu Sarawak yang semakin tidak dikenali oleh generasi muda dan perlu diketengahkan untuk mendapat taraf yang sama seperti dahulu. Baris kesantunan bahasa yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak perlu difahami oleh semua masyarakat.

Kebanyakan individu hanya pandai menyebut ungkapan yang terdapat dalam pantun Melayu, namun tidak semua yang mengetahui makna atau maksud di sebalik ungkapan tersebut. Kebanyakan generasi lama yang terdiri daripada orang tua yang mampu menghasilkan pantun dengan lisan semasa majlis bermukun. Sikap tidak berminat generasi muda juga menjadi daya penarik pengkaji untuk mengkaji pantun Melayu Sarawak.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bentuk pantun Melayu Sarawak

Pantun Melayu Sarawak mempunyai bentuk yang sama seperti pantun Melayu biasa atau mana-mana sahaja bentuk pantun yang ada. Penggunaan bahasa dalam pantun sahaja yang agak berbeza iaitu menggunakan dialek Melayu Sarawak. Baris ayat yang digunakan juga mempunyai pembayang dan juga maksud. Kebiasaan pantun yang digunakan dalam pantun semasa bermukun adalah pantun yang mempunyai empat baris. Walaubagaimanapun perkataan yang terdapat dalam pantun adalah agak berbeza kerana ada baris yang mempunyai empat perkataan dan juga ada yang mempunyai lima perkataan dalam satu baris. Terdapat sebanyak 35 rangkap pantun yang pelbagai tema akan dianalisis dari aspek bentuk.

Contoh bentuk pantun Melayu Sarawak yang mempunyai perkataan yang tidak sama dalam baris ialah;

Contoh 1

Apek tua menjajak sireh,
Sireh dijajak denganlah budu,
Cantek molek kamek sik mileh,
Asal jangan mata mengkudu.

Dalam baris ketiga pembayang terdapat lima perkataan digunakan iaitu;

Cantek molek kamek sik mileh

Terdapat lima perkataan digunakan dalam satu baris sedangkan baris yang lain menggunakan empat perkataan dalam baris. Selain itu, pantun ini juga tidak tersusun dalam penggunaan rima akhir. Ini dapat dilihat dalam rima akhir yang berikut iaitu **reh, du, leh** dan **du**. Hanya agak berbeza dengan rima baris pertama dengan baris ketiga kerana penggunaan **reh** dan **leh**. Pantun yang dibina hanya mementingkan rima sebutan dan bukannya menjaga dari aspek yang berkaitan dengan sukukata sepatutnya **reh** yang baris ketiganya **reh**.

Contoh 2

Uar-uar rotan di batu,
Tinggi sejengkal membaik angin,
Bila ditinggal junjongan kalbu,
Baruk terasa sejok dan dingin.

Dalam contoh 2, terdapat lima perkataan yang digunakan dalam baris keempat iaitu,

Baruk terasa sejok dan dingin. Bilangan perkataan adalah tidak seperti dalam baris 1, 2 dan 3. Keadaan ini menunjukkan bentuk pada pantun ini agak terancang seperti sepatutnya pembinaan dalam pantun. Selain bilangan perkataan yang tidak sama dalam baris, pantun dalam contoh 2 juga tidak mementingkan rima kerana rima yang digunakan adalah mempunyai sebutan yang agak berbeza walaupun bunyi sama. Suku kata rima akhir ialah **tu, gin, bu dan gin**. Hanya rima baris kedua dan keempat sahaja yang mempunyai suku kata yang sama iaitu **gin** manakala baris pertama dan ketiga menggunakan sukukata **tu** dan **bu**. Rima akhir untuk pantun contoh 2 masih a, b, a, b. Bilangan patah perkataan dalam pantun yang telah diperolehi dalam kajian lapangan kebanyakannya mempunyai susunan perkataan yang tidak seimbang.

Contoh pantun yang juga tidak mempunyai bilangan perkataan yang lebih dari empat perkataan ialah seperti contoh 3 di bawah;

Sayang terbeluk tempat berbunuh,
Kapal saharah menulo saoh,
Hati kupiluk badan berpeluh,
Tegal mengenang urang yang jaoh.

Dalam contoh 3, bentuk pantun yang dibina oleh pemantun bermukun juga mempunyai rima a, b, a, b walaupun rima yang digunakan adalah tidak sama dari aspek suku kata. Suku kata yang digunakan adalah berbeza walaupun bunyi hampir sama iaitu **nuh, oh, luh, oh**. Hanya baris kedua dan keempat sahaja yang mempunyai rima yang sama berbanding dengan rima dibaris pertama dan ketiga yang berbeza suku katanya. Pemantun yang menghasilkan pantun ini tidak menitikberatkan sukukata tetapi hanya mementingkan sebutan yang mudah dan senang untuk disebut. Selain rima pantun ini juga mempunyai sukukata yang lebih dari empat perkataan dalam baris iaitu di baris yang keempat. Baris satu hingga tiga bilangan perkataan ialah empat perkataan dalam satu baris. Ada unsur susunan yang rapi namun tidak sepenuhnya kerana perkataan kedua dalam setaip baris adalah tidak sama. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pantun ini hanya dibina berdasarkan kesesuaian penggunaan perkataan dalam dialek Sarawak tanpa memikirkan aspek bilangan perkataan dalam baris.

Berdasarkan contoh 4 pantun Melayu Sarawak hasil kajian lapangan yang dijalankan oleh pengkaji juga mempunyai baris yang tidak sama dengan baris yang ada dalam pantun tersebut.. Bilangan perkataan yang tidak sama ini menyebabkan bentuk pantun ini tidak serata namun tidak menjejaskan pantun tersebut kerana pemantun yang bermukun menggunakan pantun tersebut semasa bermukun untuk menghiburkan pendengar.

Contoh 4;

Dayang Adong bertanam bunga,
Bunga ditanam di atas pagu,
Mun sik langsung dalam dunia,
Dalam akhirat tetapku tunggu.

Berdasarkan contoh 4 bentuk yang terdapat dalam pantun ini juga mempunyai bilangan perkataan yang tidak sama termasuk penggunaan rima yang tidak sama. Contoh ini walaupun berbeza rima namun masih mempunyai baris ayat yang menarik untuk didengar dan dihayati khasnya oleh pendengar semasa bermukun. Penggunaan ***mun sik langsung dalam dunia,*** menunjukkan jumlah perkataan yang lebih dari empat patah perkataan. Rima yang terdapat dalam baris juga berbeza iaitu, ***nga, gu, nia dan gu.*** Hanya baris kedua dan keempat sahaja yang mempunyai rima yang sama manakala baris pertama dan ketiga rima akhir adalah berbeza dan tidak sama. Walaubagaimanapun, akhir rima adalah a, b, a, b seperti pantun biasa namun agak secantik bentuk yang sepatutnya. Bentuk yang ada dalam pantun seolah-olah tidak penting kerana pantun yang dibina lebih mengaplikasikan unsur dialek Melayu Sarawak yang lebih mementingkan bunyi dan mesej yang hendak disampaikan.

Selain contoh pantun yang terdapat di atas, terdapat banyak lagi contoh pantun hasil kajian lapangan yang juga tidak memeningkan bentuk bilangan perkataan dalam pantun. Kebanyakan contoh tersebut hanya satu baris sahaja yang menggunakan bilangan perkataan yang lebih dari empat perkataan dalam baris. Tidak semua baris menggunakan lebih dari empat perkataan. Jelas di sini bahawa pantun yang dibina juga menjaga bentuknya. Contoh yang berikutnya ialah:

Contoh 5:

Kampung Pelpat jambatan Dang Molek,
Pasar angus dimakan api,
Situk lepas sia pun sik boleh,
Buang tanggung berayun kaki.

Contoh 5 terdapat dua baris yang menggunakan lebih daripada empat perkataan dalam satu baris iaitu baris pertama dan baris ketiga. Baris pertama menggunakan lima patah perkataan manakala baris ketiga menggunakan enam perkataan dalam satu baris. Contoh terdapat di bawah;

***Kampung Pelpat jambatan Dang Molek,
Situk lepas sia pun sik boleh,***

Penggunaan jumlah perkataan yang lebih dari empat tidak menjejaskan pantun tersebut. Selain daripada jumlah perkataan yang digunakan adalah lebih dari empat mengikut kebiasaan pantun yang dibina terdapat juga penggunaan rima yang tidak sama dalam contoh 5, antaranya ialah rima akhir ***lek,api,leh,ki***. Kalau dilihat dari sukukata jelas sukukata yang ada dalam baris pertama sehingga baris keempat langsung tidak sama penggunaan sukukatanya. ***lek*** (baris pertama) sepatutnya ***lek*** juga dibaris ketiga tetapi dalam pantun tersebut menggunakan sukukata ***leh*** (baris ketiga). Penggunaan sukukata sangat jelas berbeza dalam baris tersebut. Selain baris pertama dan ketiga, baris kedua dan keempat juga menggunakan sukukata yang berbeza iaitu ***api*** (baris kedua) dan ***ki*** (baris keempat) perbezaan sukukata sangat jelas kerana *api* dan *ki* sangat berbeza namun apabila diujarkan dalam mukun tidak menjejaskan bunyi kerana alunan gendang yang diedendangkan semasa bermukun tersebut. Rima akhir tidak boleh dikatakan a, b, a, b kerana penggunaan sukukata yang berbeza.

Unsur kesantunan pantun Melayu Sarawak

Pantun Melayu Sarawak mempunyai kesantunan yang tersendiri terutama dalam penggunaan perkataan dalam pantun. Walaupun pantun Melayu Sarawak mempunyai bentuk yang agak berbeza dengan pantun biasa kerana dari aspek pemilihan perkataan yang melebihi empat perkataan namun tidak menjejaskan makna asal dan makna tersirat pantun tersebut. Sebanyak 35 rangkap pantun yang akan dianalisis dari aspek berkaitan dengan unsur santun dan dijelaskan mengikut makna yang sebenar dalam pemahaman masyarakat Melayu Sarawak. Pantun yang terpilih adalah pantun yang diperolehi daripada kajian lapangan yang telah dilakukan bersama dengan beberapa orang pemantun yang sering menggunakan pantun tersebut semasa bermukun.

Antara unsur kesantunan yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak adalah seperti berikut;

Contoh 1;

Sapa madah maimunah laju,
Lebih laju kapal si manggang,
Siapa madah saya mengkudu,
Lebih mengkudu abang seorang.

Berdasarkan contoh pantun 1 yang dinyatakan di atas, unsur santun dapat dilihat dan dianalisis berdasarkan baris ketiga dan baris keempat pantun tersebut iaitu baris yang membawa maksud kepada pantun tersebut. Berdasarkan maklumat yang telah diperolehi oleh pengkaji semasa mendapat pantun tersebut, pemilik pantun telah menjelaskan makna pantun tersebut yang membawa simbolik kepada buah mengkudu iaitu sejenis buah yang bermata di luar. Pada pandangan Puan Senang, pemilik asal pantun menjeaskan bahawa buah mengkudu adalah buah yang banyak dan mudah diperolehi di negeri Sarawak terutama di kawasan kampung. ***Siapa madah saya mengkudu,*** membawa maksud bahawa seseorang yang telah menyatakan seseorang itu adalah jenis yang mudah bertukar pendapat atau cadangan termasuk dalam proses memilih pasangan. Unsur kesantunan dapat dilihat dalam penggunaan perkataan dalam baris tersebut yang sebenarnya menafikan bahawa dia bukanlah jenis yang tidak setia dan mudah tergoda tapi tidak menentang secara kasar sebaliknya berkata dalam nada yang lembut dan sopan.

Dalam baris keempat pula, dinyatakan bahawa ***lebih mengkudu abang seorang,*** yang bermaksud bahawa kebiasaannya yang mudah tergoda dan beralih arah dalam hubungan ialah lelaki. Atas dasar itu maka dalam baris tersebut dinyatakan begitu kerana lelaki sememangnya terkenal dengan sikap bertukar pasangan. Oleh kerana pantun ini digunakan semasa bermukun maka ini adalah cara untuk pemukun menyatakan nasihat agar lelaki atau perempuan seharusnya mempunyai sifat yang baik dengan tidak mudah bertukar pasangan. Penyampaian mesej adalah sopan dan

tidak menguris perasaan orang lain kerana dianggap sebagai teguran yang membina. Baris ketiga dan keempat adalah baris makna yang mengandungi unsur kesantunan yang terdapat dalam masyarakat Melayu Sarawak. Ini penting untuk mengelakkan berlakunya pergaduhan dan salah faham terutama dalam sesebuah masyarakat yang berbilang bangsa.

Unsur kesantunan juga terdapat dalam contoh 2 yang juga mempunyai unsur kesantunan. Kebanyakan pantun yang diperolehi adalah pantun yang mempunyai unsur santun bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Contoh pantun 2 ialah;

Apek tua menjajak sireh,
Sireh dijajak denganlah budu,
Cantek molek kamek sik mileh,
Asal jangan mata mengkudu.

Dalam contoh 2, unsur kesantunan juga dilihat di baris ketiga dan baris keempat. Maksud contoh 2 ialah tentang sikap seseorang yang tidak memilih dalam urusan pasangan asalkan bukan yang bersikap tidak setia dan mudah beralih arah. Mata mengkudu masih digunakan sebagai simbolik kepada sikap yang tidak setia. Dalam proses memilih pasangan rupa paras bukanlah perkara utama tetapi kejujuran dan kesetiaan adalah perkara yang paling diberi keutamaan. Baris tiga dan baris empat menggunakan unsur santun kerana tidak menggunakan bahasa yang kasar semasa menyatakan ketidakinginan dalam mencari pasangan yang bersikap mudah beralih arah atau tidak setia. Ini adalah penting untuk mengelakkan berlaku salah faham dan menimbulkan ketidakpuasan seseorang yang mendengar. ***Cantek molek kamek sik mileh*** membawa maksud bahawa tidak memilih yang cantik ataupun kakak sahaja, manakala ***asal jangan mata mengkudu*** pula membawa maksud pilihan hanya kepada yang setia. Baris tiga dan empat sememangnya mempunyai unsur kesantunan yang menjadikan pantun tersebut sebagai pantun yang ada unsur santun.

Kehidupan bermasyarakat sememangnya adalah agar sukar terutama di negeri yang mempunyai pelbagai kaum. Hati dan perasaan pendengar sangat diutamakan, terutama semasa bermukun yang merupakan sesuatu persembahan yang diadakan untuk mengalakkan pengunjung datang ke rumah pengantin. Atas sebab itu maka bahasa yang digunakan dalam pantun sewajarnya mempunyai perkataan yang sopan dan tidak menyentuh perasaan orang lain terutama kepada seseorang yang mudah tersentuh ataupun terasa. Unsur kesantunan dijaga dari aspek pemilihan bahasa walaupun menggunakan dialek Sarawak.

Berdasarkan 35 rangkap pantun yang diperolehi pengkaji semasa kajian lapangan terdapat banyak lagi unsur kesantunan bahasa yang akan diketengahkan untuk dianalisis. Antara pantun yang mempunyai unsur kesantunan ialah contoh di bawah;

Contoh 3;

Terang bulan di pintu gunung, (baris 1)

Cahaya nampak di pokok kayu, (baris 2)

InsyaAllah tuhan beri tolong, (baris 3)

Air deras kapalpun laju. (baris 4)

Unsur kesantunan dalam contoh 3 dapat dilihat di baris ketiga dan keempat. Dalam baris ketiga jelas menunjukkan tentang kepercayaan dalam soal agama yang percaya bahawa Allah akan membantu seseorang jika menghadapi kesukaran. Baris ini menjelaskan tentang kesantunan masyarakat yang sentiasa berserah dan adanya kepercayaan. Kepercayaan ini dikuatkan lagi dengan unsur kesantunan yang terdapat di baris keempat. Baris keempat menjelaskan bahawa bila ada usaha pasti akan berjaya namun sebagai menjaga kesantunan dalam berbahasa penggunaan perkataan dalam baris 3 dan baris 4 diaplikasikan bagi menunjukkan kehalusan budi bahasa. Kepercayaan yang mendalam hal agama telah sebatikan dalam jiwa masyarakat Melayu Sarawak walaupun masyarakat di sekeliling masih lagi ada yang berbangsa lain dan menganut agama selain daripada agama Islam. Walaupun mempunyai pelbagai kaum namun mereka percaya dengan menyatakan insyaAllah adalah satu cara untuk menunjukkan

kehalusan berbahasa. Walaupun insyaAllah adalah wacana yang digunakan dalam bahasa Arab namun telah digunakan dalam komunikasi masyarakat sekitar.

Contoh 4;

Lemah lembut pandan berdurik,
Putus tali penyirat pagar,
Lemah lembut membawa dirik, (baris ketiga)
Putus ati sapa mouk dengar. (baris keempat)

Dalam baris ketiga dan keempat terdapat unsur kesantunan digunakan. Antaranya ialah wacana bahasa yang digunakan dalam baris ketiga dan keempat ialah;

Lemah lembut membawa dirik, (baris ketiga)
Putus ati sapa mouk dengar. (baris keempat)

Dalam baris ketiga kesantunan dapat dilihat dalam penggunaan perkataan **lemah lembut membawa diri** yang menunjukkan kesantunan dari aspek sikap lemah lembut dan berbudi bahasa yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak. Kesantunan ini menjelaskan bahawa budi bahasa yang tinggi dalam kalangan mereka. Selain itu, di baris keempat lanjutan daripada baris pertama adalah kesinambungan yang membuktikan bahawa sikap menyembunyikan perasaan yang cuba ditunjukkan oleh masyarakat yang tidak suka menunjukkan apa yang mereka rasai dan kepayahan yang mereka alami. Selain itu ada juga pandangan yang menyatakan bahawa sesetengah masyarakat tidak suka mengetahui hal orang lain dan amalan ini membuktikan bahawa sikap tersebut adalah salah satu sikap yang wajar dilakukan bagi mengelakkan pergaduhan dan juga salah faham. Sikap ini adalah salah satu sikap sopan santun yang tinggi dalam kalangan mereka. Sikap ini mencerminkan kesopanan bahawa masyarakat Melayu Sarawak adalah tidak suka menunjukkan kesusahan mereka kepada orang lain dan sikap ini sewajarnya diamalkan oleh semua masyarakat. Walaupun perkara tersebut adalah sukar dan sangat menyusahkan namun tidak menjadi penghalang untuk mereka meneruskan kehidupan.

Dalam baris makna contoh 4 sememangnya menampakkan sikap dan kesantunan yang ada dalam kalangan masyarakat Sarawak dan ini digambarkan dalam pantun yang dihasilkan untuk diketahui oleh pendengar semasa mereka bermukun dan didengarkan semasa majlis perkahwinan ataupun majlis-majlis yang berkaitan dengan keramaian. Pantun ini dapat membentuk sahsiah dan budi bahasa dalam kalangan masyarakat agar terus mengamalkan sikap positif dalam kehidupan.

Unsur kesantunan bukan sahaja dapat dilihat di baris ketiga dan keempat dalam contoh 4 malah juga boleh dilihat dalam contoh pantun yang berikutnya;

Contoh 5

Uar-uar rotan di batu,
Tinggi sejengkal membaok angin,
Bila ditinggal junjungan kalbu, (baris ketiga)
Baruk terasa sejok dan dingin. (baris keempat)

Makna asal dan makna kiasan pantun Melayu Sarawak

Pantun Melayu Sarawak memperlihatkan makna yang tersirat dan tersurat dalam penghasilannya. Semasa bermukun pantun Melayu Sarawak banyak digunakan sebagai penghibur kepada tetamu yang hadir semasa majlis persandingan ataupun majlis keramaian yang diadakan oleh masyarakat Melayu Sarawak. Baris- baris wacana yang digunakan dalam pantun Melayu Sarawak menggunakan dialek Melayu Sarawak yang memperlihatkan penggunaan bahasa tempatan agar mudah difahami dan dihayati oleh penduduk setempat. Walaupun pantun tersebut mungkin tidak difahami oleh generasi muda namun alunan gendang dan majlis bertandak (menari) sememangnya menarik perhatian anak muda. Hal ini menarik minat pengkaji untuk mendalami makna yang tersurat dan tersirat dalam pantun Melayu Sarawak dengan melihat makna tersirat dan tersurat tersebut menggunakan teori relevans yang menitik beratkan sama ada makna tersebut relevan atau tidak digunakan dalam pantun yang dihasilkan.

Kesantunan dalam pantun Melayu Sarawak dapat dilihat dalam pantun yang telah diperolehi tersebut. Walaupun pantun Melayu Sarawak banyak menggunakan dialek Sarawak namun bahasa yang digunakan masih boleh difahami cuma ada beberapa perkataan yang mungkin agak sukar difahami oleh pembaca yang bukan berasal dari Melayu Sarawak. Walaupun bahasa di Sarawak terdiri daripada banyak bahasa seperti bahasa Iban, Bidayuh, Penan, Kenyah, dan sebagainya namun bahasa Melayu Sarawak lebih banyak digunakan dalam komunikasi seharian kerana bahasa tersebut agak mudah difahami terutama dalam urusan niaga ataupun berinteraksi sesama mereka. Relevan atau tidak penggunaan bahasa tersebut selaras dengan kesantunan akan dapat dilihat dari analisis dapatan yang telah diperolehi. Makna tersirat dan tersirat tersebut juga adalah dapatan yang diperolehi oleh pengkaji dengan pemantun yang memberikan pantun untuk dianalisis dari aspek makna sekaligus melihat kesantunan bahasa tersebut.

Pantun yang mempunyai kesantunan walaupun makna sebenar adalah berbeza dengan makna sepatutnya namun pantun tersebut tidak menyebabkan pendengarnya berasa kecil hati ataupun terasa hati. Antara pantun yang mempunyai makna yang tersirat namun masih relevan untuk difahami pendengar malah bersantun dari aspek bahasa. Contoh pantun;

Makan pisang dengan sagun,
Sagun dipolah ditapis kain,
Bini malas gilak bangun,
Alu lari laki carik lain.

(Sumber: koleksi Puan Senang bt Haji Kahar)

Berdasarkan pantun di atas, pembayang masih boleh difahami oleh pembaca menggunakan kata nama **pisang** dan juga **sagun** (tepung yang dimasak dengan gula). Pisang dan sagun biasanya dimakan bersama sama biasanya pada waktu petang oleh kaum Melayu Sarawak dan sangat diminati jadi tidak mustahil

pemilihan pisang dan sagun menjadi pilihan terdekat untuk digunakan dalam pantun yang dibina.

***Bini malas gilak bangun,
Alu lari laki carik lain.***

Baris maksud di atas menerangkan tentang sikap seorang isteri yang sangat malas bangun sehingga menyebabkan suami beralih arah mencari lain. Di sini dapat dilihat kesantunan pemilihan kata kerana kesan dari sikap isteri yang bersikap malas menyebabkan si suami beralih arah kepada perempuan lain. Makna tersurat memang seperti si suami berniat untuk mencari perempuan lain, namun jika si isteri berubah sikap sudah pasti si suami akan berubah hati untuk terus menyayangi isterinya. Makna tersurat seperti mengugut untuk mencari lain namun makna tersirat adalah sebagai pengajaran kepada si isteri agar sentiasa bersikap rajin. Penggunaan makna ***bini malas gilak bangun, alu lari laki carik lain*** adalah sangat relevan dan mudah difahami. Bini (isteri) malas (malas) gilak (sangat) bangun (bangun tidur). Berdasarkan pantun di atas, jelaslah bahawa kesantunan yang tersirat dapat dilihat. Pantun bertujuan menyindir agar si isteri akan berubah menjadi rajin agar suami mereka tidak beralih arah kepada perempuan lain. Sudah sememangnya lelaki (suami) mengharapkan seorang isteri yang baik dan juga rajin terutama bangun pada awal pagi. Bukan itu sahaja, jika bini (isteri) sentiasa lewat bangun sudah pasti tidak dapat menyediakan sarapan pagi untuk suami dan juga tidak menunaikan solat berjemaah dengan keluarga. Kesantunan ini jelas kelihatan dalam pantun kerana tidak menegur secara kasar ataupun akan menyebabkan pasangan tersebut tersinggung.

Bukan sahaja melihat aspek tersebut, pantun Melayu Sarawak seterusnya juga ada makna tersurat dan tersirat dan tidak lari dari berniat untuk menegur atau menyindir secara santun tetapi tidak menimbulkan rasa marah ataupun rasa tersinggung pendengarnya.

Carik biak sampe bintulu,
Alu nemu kapal selam,

***Muka kacak mulut berbau,
Malas berus tidur malam***

(Sumber: koleksi Puan Senang bt Haji Kahar)

Pembayang pantun di atas menggunakan kata kerja carik (carik) dan juga kata nama tempat Bintulu (Bintulu) dan juga alu nemu (akhirnya bertemu) dan tidak lari dari penggunaan kapal selam (kapal selam) juga dalam bahasa Melayu biasa. Dalam dialek Sarawak penggunaan kata sebenarnya tidak berbeza sangat kerana masih relevan difahami. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahasa ini adalah untuk memudahkan pendengar memahami bahasa yang digunakan. Manakala pembayang pantun di atas muka kacak mulut berbau (muka cantik / lawa tetapi mulut berbau) menunjukkan tentang sikap sesetengah orang yang mempunyai wajah yang cantik atau lawa serta kacak jika malas memberus gigi sudah pasti mempunyai gigi yang busuk. Dalam baris tersebut kesantunan menegur agar menjaga kebersihan agar tidak menimbulkan masalah gigi yang rosak dan menyebabkan mulut berbau.

Sindiran ini jelas difahami oleh pendengar namun kalau dilihat dari makna tersurat pengkaji berpandangan adalah untuk menasihati pendengar atau pembaca menjaga kebersihan gigi agar mulut tidak berbau selaras dengan wajah yang cantik dan kacak tersebut. Makna tersiratnya pula menunjukkan tentang sikap malas yang dimiliki oleh sesetengah orang yang mempunyai muka atau wajah yang kacak, cantik kerana sibuk dengan urusan lain yang mungkin menyebabkan tiada masa untuk memberus gigi sebelum tidur. Perbuatan ini sudah pasti akan menampakkan sikap malas dan sikap malas tersebut perlu dibuang agar seimbang dengan penampilan yang cantik dan kacak tersebut. Di sini pengkaji berpendapat bahawa kecantikan dan kekacakan bukan sahaja terletak dari luaran malah perlu juga dari aspek dalaman. Kesantunan pemilihan bahasa muka kacak mulut berbau menampakkan berlaku tindakan memuji terlebih dahulu iaitu ***muka kacak dan akhirnya menegur mulut berbau.*** Kesantunan bahasa

yang digunakan adalah bertujuan untuk mengelak dari rasa tersinggung pendengar.

Selain pantun yang dinyatakan di atas, terdapat lagi pantun hasil kajian yang diperolehi semasa membuat kajian lapangan tersebut. Menurut pemantun Puan Senang yang biasanya bermukun, pantun sememangnya telah lama digunakan untuk menegur dengan cara yang baik dan bukannya berniat untuk menyakitkan hati seseorang pendengar. Sikap seseorang yang tidak mahu mendengar teguran dan hanya mementingkan diri sendiri boleh dilihat dalam pantun seterusnya iaitu;

Sidak tukang molah pagar,
Pagar dipolah alu berolah,
Urang madah sik maouk dengar,
Alu salah sik apat molah.
(Sumber: koleksi Puan Senang bt Haji Kahar)

Baris (1) membawa maksud pembayang yang menerangkan tentang orang yang sedang membina pagar **sidak tukang molah pagar** membawa maksud pagar yang dibina oleh tukang. Penggunaan kata kerja molah pagar (membina pagar) agak sukar difahami namun penggunaan masih relevan kerana perkataan molah membawa maksud membuat dalam kalangan orang Melayu Sarawak. Baris (2) **Pagar dipolah alu berolah** (pagar yang dibina tidak menjadi) makna sebenar adalah membawa maksud pagar yang ingin dibina tidak menjadi. Dalam penghasilan pantun rima akhir masih dijaga untuk mendapat rima abab yang menunjukkan pemantun mementingkan rima dalam penghasilan pantun. Pantun tersebut lebih dilihat makna tersurat dan tersurat di bahagian maksud iaitu;

Urang madah sik maouk dengar,
Alu salah sik apat molah.

Baris (3) urang madah sik maouk dengar membawa makna tersurat bahawa sikap seseorang yang tidak mahu mendengar

nasihat orang lain. Namun maksud tersirat yang cuba diterangkan ialah menunjukkan seseorang yang bersikap degil dan tidak mahu mendengar nasihat orang lain. Degil tidak disebut dalam baris pantun kerana perkataan degil adalah agak negatif untuk disebut dan tidak digunakan untuk menjaga hati si pendengar. Pemantun menyimpan maksud sebenar dan hanya yang memahami sahaja yang akan faham maksud tersirat tersebut. Manakala baris (4) pantun tersebut membawa makna tersurat berkaitan dengan akibat dari kesilapan tidak mendengar nasihat. Tidak berkaitan secara langsung dengan pagar kerana makna adalah lebih meluas dan bukan berkaitan dengan pagar. Makna tersirat yang terdapat dalam baris (4) ialah sikap seseorang yang mementingkan diri sendiri dengan bersikap degil. Akibat sikap degil maka apa sahaja yang dirancang tidak akan berjaya dan akan menemui kegagalan. Hal ini yang cuba diselitkan dalam makna tersirat dalam baris (4). Pantun ini bersikap menyindir tentang sikap manusia sekarang yang selalu mengetepikan perasaan orang lain sehingga menyusahkan orang lain pula.

Pemantun bermukun Puan Senang menjelaskan bahawa sememangnya apabila ada majlis kenduri kendara sikap berkerjasama amat diperlukan. Jadi pantun ini sering diselitkan dalam majlis beliau bermukun untuk menyindir sikap sesetengah masyarakat yang sangat mementingkan diri sendiri sehingga menyusahkan orang lain. Pantun yang seterusnya membawa maksud yang agak berbeza iaitu tentang sikap manusia yang tidak mahu belajar dan mempelajari sesuatu. Sikap ini adalah salah satu sikap negatif yang akan menyebabkan negara menjadi mundur. Pantun tersebut adalah seperti berikut;

Carik bidan pake berurut,
Bidan tua pala jak tuyuk,
Alu sik pandei butak uruf,
Abc pun masih sik tauk.

(Sumber: koleksi Puan Senang bt Haji Kahar)

Contoh pantun seterusnya menunjukkan tentang sikap malas belajar. Baris (1) membawa maksud mencari bidan yang pandai mengurut (carik bidan pake berurut), Baris (2) bidan yang ditemui sudah tua dan tidak pandai (tuyuk- bodoh). Pembayang yang digunakan telah menunjukkan tentang penggunaan sesuatu perbuatan yang agak tidak cerdik dan tidak menampilkan kepandaian. Penggunaan bahasa juga agak kasar (tuyuk) namun jika tidak difahami maka tidak menyentuh perasaan orang yang mendengar kecuali mereka yang sememangnya berasal dari negeri Sarawak. Makna yang terkandung dalam baris (3) alu sik pandei butak huruf (akhirnya tidak pandai sehingga tidak tahu membaca) dan baris (4) Abc pun masih sik tauk (sehingga membacapun tidak tahu). Makna tersurat lebih mudah difahami kerana maknanya adalah berkaitan dengan sikap seseorang yang tidak tahu membaca kerana sibuk dengan urusan lain. Namun begitu makna tersirat adalah menunjukkan sikap masyarakat yang malas mengambil tahun tentang pelajaran.

Walaupun bagaimanapun, pantun ini tidak bermaksud untuk memperkecilkan orang lain. Pantun ini hanyalah menyindir tentang sikap orang Melayu Sarawak pada masa dahulu tidak mementingkan pendidikan. Purata yang tidak pandai membaca adalah tinggi dan hal ini menyebabkan pemantun menghasilkan pantun yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat pada ketika itu. Pantun ini menjaga kehalusan bahasa dengan baik walaupun makna tersurat dan tersirat adalah hampir membawa makna yang sama namun masih relevan untuk difahami oleh pembaca.

Pantun yang seterusnya ialah pantun yang membawa tema masyarakat juga iaitu berkaitan dengan sikap seseorang yang suka menghina dan mengata orang lain. Masyarakat Melayu sememangnya tidak dapat lari dari mengata dan mengutuk orang lain dan pemantun menghasilkan pantun berlandaskan hal semasa berkaitan untuk menyedarkan orang yang mendengar semasa bermukun. Pantun tersebut adalah seperti berikut;

Banyak gilak asuk nyalak,
Asuk hitam ditetak ngan parang,

***Muka jak kacak putih gilak,
Hati hitam nganok urang.***

(Sumber: koleksi Puan Senang bt Haji Kahar)

Baris yang digunakan dalam pantun agak sukar difahami oleh masyarakat yang bukan terdiri daripada masyarakat Melayu Sarawak kerana adanya penggunaan **asuk, jak, gilak, nganok, urang**. Perkataan tersebut sememangnya adalah dialek yang biasa digunakan oleh masyarakat Sarawak terutama masyarakat Melayu yang tinggal di pinggir Batang Sadong. Baris (1) Banyak gilak asuk menyalak (banyak anjing sedang menyalak) baris (2) Asuk hitam ditetak ngan parang (anjing hitam ditetak dengan parang), baris (3) muka jak kacak putih gilak (muka cantik dan putih berseri) dan baris (4) hati hitam nganok urang (hati yang busuk suka mengata orang lain).

Berdasarkan makna yang tersurat di atas jelaslah menunjukkan tentang sikap masyarakat yang mempunyai paras wajah yang menarik tetapi mempunyai sikap suka mengata orang. Namun makna tersirat yang terdapat dalam pantun tersebut lebih memperlihatkan tentang keruntuhan moral masyarakat yang suka menampakkan sikap negatif dengan suka menghina dan mencari salah orang lain. Wajah cantik dan kacak bukan penanda aras dalam mengukur sikap dan tingkah laku seseorang sebaliknya adalah salah satu sikap negatif yang wajar di jauhi agar seimbang dengan kecantikan dan kekacakan yang ada. Keadaan ini jika terus diamalkan sudah pasti menampakkan keruntuhan akhlak masyarakat yang akan menyebabkan masyarakat akan semakin mundur. Makna tersirat ini cuba diterangkan dalam pantun untuk mengubah sikap masyarakat dan sering dipilih untuk didendangkan semasa bermukun oleh responden pengkaji.

DAPATAN DAN RUMUSAN

Dapatan daripada kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa pantun Melayu Sarawak mempunyai bentuk yang tidak tersusun

daripada aspek pemilihan bilangan perkataan dalam baris dan juga mempunyai rima yang tidak sama dengan rima yang biasa digunakan. Namun begitu ada juga bentuk yang masih mematuhi bilangan baris dan rima akhir yang dijaga dengan sebaiknya. Oleh kerana pantun yang digunakan adalah lebih kepada aspek bermukun maka pantun yang dipilih oleh pemantun tidak mementingkan aspek bentuk tetapi hanya mementingkan aspek bunyi yang boleh dinyanyikan semasa bermukun dengan sebutan yang ringkas menggunakan dialek tempatan yang ringkas dan difahami oleh pendengar.

Selain itu, unsur kesantunan yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak sangat menekankan aspek yang berkaitan dengan budi-bahasa dan juga sikap menghargai serta menyayangi orang lain yang perlu ada dalam diri seseorang. Hal ini menunjukkan pemilihan kata yang digunakan adalah melambangkan kesantunan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak baik dari aspek pertuturan malah juga dalam pemilihan baris wacana dalam ayat.

Walau bagaimanapun, aspek makna asal dan makna kiasan dalam pantun juga jelas digunakan. Pantun yang dikaji kebanyakannya membawa makna asal dan juga makna kiasan yang membawa makna yang berbeza dalam setiap perkataan yang digunakan dalam pantun tersebut. Makna asal dan makna kiasan kebanyakannya terletak di barisan makna iaitu di baris ketiga dan keempat. Ini penting untuk memudahkan pengkaji menganalisis makna tersebut satu persatu untuk difahami.

Kesimpulannya pantun Melayu Sarawak mempunyai keunikan yang tersendiri berbeza dengan pantun yang digunakan dalam pantun yang biasa. Pantun Melayu Sarawak lebih berkaitan dengan penggunaan dialek Melayu Sarawak yang digunakan oleh semua masyarakat walaupun bukan berbangsa Melayu untuk berkomunikasi dan juga diaplikasikan dalam bermukun untuk dijadikan wadah dan riadah namun mempunyai niat untuk menasihati dan juga mengajar masyarakat agar faham pentingnya hidup bermasyarakat dalam kehidupan.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. (2010). *Kesantunan berbahasa*, Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Ganing Laengkang. (2010). *Kesantunan Bahasa dalam Ceramah Motivasi*. Tesis Ijazah Sarjana .Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Abdullah Hussain. (1984). *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain (1991). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yassin. (1998). *Kesopanan Berteraskan Prinsip dan Maksim Leech: Satu Analisis teks Lembaga Budi*. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Bahasa, Universiti Malaya.
- Abdullah Yusof. Alias Mohd Yatim & Mohd Ra'in Shari. (2009). *Semantik dan Pragmatik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Amat Juhari Moain (1989). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (2001). "*Nilai rasa dalam bahasa Melayu*", Dlm. Yaacob Harun (Ed) *Kronologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Anas Haji Ahmad 1984. *Sastera Melayu Lama dan baru*. Kuala Lumpur: Syarikat Cahaya.
- Asmah Hj. Omar (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1986. *Nahu Melayu Mutakhir. Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1996. *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2000. *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Bahasa Diraja. Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang Sariyan (2007). *Santun berbahasa*. Selangor Darul Ehsan.Dausama Sdn.Bhd
- Brown, R. & Levinson, S. (1987).*Politeness: Some Universal In Language Usage*.Cambrigde: Cambrigde University Press.
- Harun Mat Piah 1997.*Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hetti Waluati Triana. (2009), `Bahasa, Kesantunan, dan Perubahan Sosial: Analisis Terhadap Lakuan Tutar Menolak Etnik Minangkabau Moden`.Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Indirawati Zahid. (2011). *Bahasa dan Kesantunan Melayu*. (Peny), Nik Safiah Karim, Indirawati Zahid. Kuntuk Budi Sumbangsih.Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Izani Hj Daud. (2001). *Penyelamat bangsa Melayu sepanjang zaman*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- J.H Walker (1995).*Notes On the Use of 'Malay' and 'Abang' In sarawak, dlm.The Sarawak Museum Journal*, Disember. Kuching: Muzium Sarawak.
- Jamaliah Mohd Ali. (1997).*Malaysian Students seminar: A study of pragmatic features in verbal interaction*.Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurik Kundi Merah Saga. (2005). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Marlyna Maros. (2006). `Lakuan bahasa komplin dalam kalangan kelas menengah Melayu` Bandar Baru Bangi, Selangor. Tesis Dr.Fal, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bangi
- Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid & Sa'adiah Ma'lip. (2010). `Perkaitan semantik kata kerja bahasa Banjar Kuala: satu analisis varian Kuin Banjaran`, *Jurnal Melayu* (5) 87

- Matsumoto, Y. (1988). `Reexamination of the Universality of Face.Politeness phenomena in Japanese`. *Journal of Pragmatics*.12:403-426.
- Mohammad Fadzeli Jaafar.(2000).`Tradisi kesopanan dalam pantun Melayu`. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(5), 616-622
- Mohammed Farghal & Ahmed Borini. (1997).`Pragmatically religious failure in translating Arabic Politeness formulas into English: Evidence from Mahfouz's Aelad Harittha Multilingua`. *Journal of Cross Culture and Interlanguage Communication*.16:77-79
- Mohd Taib Osman dan Wan Kadir Yusof (1987).*Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd.Azmi Sidik. (1997). `Kesantunan berbahasa di dalam pantun`. *Tesis Ijazah Sarjana*, Fakulti Bahasa.Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2003). `Nilai Budaya Masyarakat dalam bentuk Sapaan`. *Pelita Bahasa*, Disember: 12
- Nor Hashimah Jamaludin & Norsimah Mat Awal. (2006). `Citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu: analisis teori relevans`. *Jurnal e-bangi*, jilid 1 bilangan 1:21
- Noriati A.Rashid. (2005a). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*.Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noriati A.Rashid. (2005b). `Konsep Kesantunan dalam masyarakat Melayu`. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 3 (1), 113.
- Norlidayati Ismail (2013). `Lambang dan Kesantunan Wanita Melayu dalam Pantun`. *Kertas Kerja Sarjana*.Universiti Putra Malaysia.
- Othman Lebar. (2011).*Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori amalan*.Tanjung Malim: Universiti Sultan Idris.
- Robert Sibarani M.S. dlm. Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris.(2004). *Pemikiran Melayu: Tradisi dan kesinambungan*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robin Lakoff. (1975). *Language and women's place*. New York: Harpes &Row.

- Rubiah Aksah. (2005). *Seribu satu peribahasa Melayu*. Selangor: Karya Bestari.
- Ruth M.Kempson. (1991). *Teori Semantik*. (Terj). Zai9ton Ab Rahman.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salinah Jaafar. (2005). `Bukan Melayu perlu didedahkan kepada Kesantunan bahasa Melayu`. *Utusan Malaysia*, 21 Mac: 3
- Siti Fauziah Jamaludin. (2008). `Kesantunan bahasa dalam majlis pertunangan`. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Suriati binti Zakaria. (2002). `Masa dalam kerangka pemikiran masyarakat Melayu: kajian makna teks klasik dan moden`. *Tesis Sarjana*, Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teo Kok Seong. (2008) `Bahasa dan Tataadab`. Dlm. Anwnar Din. 2008. (Peny.) *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*.Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Zaidi Ismail. (2005). `Indah budi kerana bahasa`. *Pelita Bahasa*, Jun: 12-14
- Zaidi Ismail. (2008). *Disebalik Kata*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin. (1962). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur.Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zatul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2011). `Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah`. *Jurnal bahasa: Jilid 11 Bil 2*.Disember 2011:321-338.

LAMPIRAN

1. Sapa madah maimunah laju,
lebih laju kapal Si manggang,
***siapa madah saya mengkudu,
lebih mengkudu abang seorang.***
2. Apek tua menjajak sireh,
sireh dijajak denganlah budu,
***cantek molek kamek sik mileh,
asal jangan mata mengkudu.***
3. Terang bulan di pintu gunung,
cahaya nampak di pokok kayu,
***insyaallah tuhan beri tolong,
air deras kapalpun laju.***
4. Lemah lembut pandan berdurik,
putus tali penyirat pagar,
***lemah lembut membawa dirik,
putus ati sapa mouk dengar.***
5. Uar-uar rotan di batu,
tinggi sejengkal membaok angin,
***bila ditinggal junjuongan kalbu,
baruk terasa sejok dan dingin.***
6. Sungei labuk dipusin ulak,
dipusin ulak dimungguk kubo,
***kamek tauk tuan menulak
kamek terimak ati sik suka.***
7. Kain berlipat si kain tudong,
kain sabok berpunca duak,
***bila kunanggar mentari condong,
dudok menangis tersidak-sidak.***

8. Patah gajah julok kedondong,
galah benama intan baiduri,
***bukan salah ibu mengandong,
salah dari saya sendiri.***
9. Banyak nyamok di kola arus,
urang Palembang bertanam padi,
***tuboh gemok menjadi kurus,
menahan bimbang di dalam hati.***
10. Sayang terbeluk tempat berbunoh,
kapal saharah menulo saoh,
***hati kupiluk badan berpeluh,
tegal mengenang urang yang jaoh.***
11. Jangan diurut padi sebandi,
takut hampa dimakan pipit,
***jangan diturut perasaan hati,
takut kelak jadi penyakit.***
12. Hari jemat berkain kasa,
kain kasa belum berjait,
***nisik selamat mengekot rasa,
seumo idup nanggong penyakit.***
13. Sayang terbeluk ke Pulo Burong,
pasa angus tepin jeraya,
***udah ditubuk udah disambung,
nun putus apakan daya.***
14. Dayang Adong bertanam bunga,
bunga ditanam di atas pagu,
***mun sik langsung dalam dunia,
dalam akhirat tetap ku tunggu.***

15. Hari senen turun belombak,
urang Tembirat mati berkayoh,
***berani jamin berani ngembak,
dalam surat berkata sungguh.***
16. Sayang Simunjan tanahnya singgit,
asan urang mendiat kota,
***biar ujan balit ke langit,
saya tidak mengubah kata.***
17. Terang bulan di pulo pinang,
sayur terung saya tumiskan,
***tengah malam bangun mengenang,
bantal dipelok disangka tuan.***
18. Anak raja turulah mandik,
rambutan rempek ngembak buah,
***mudah mudahan suratan jadi,
janji marek jangan diubah.***
19. Terang bulan di pulo pinang,
sayur terung saya tumiskan,
***tengah malam bangun mengenang,
bantal dipelok disangka tua.***
20. Tenang bulan disangka siang,
kembang melor kembang melati,
***benar abang kekasih orang,
saya hanya menghibur hati.***
21. Kampong perpat jambatan dang Molek,
Pasar angus dimakan api,
***situk lepas sia pun sik boleh,
buang tanggung berayun kaki,***

22. Makan pisang dengan sagun,
sagun dipolah ditapis kain,
***bini malas gilak bangun,
laki lari carik lain.***
23. Carik biak sampe Bintulu,
alu nemu kapal selam,
***muka kacak mulut berbau,
malas berus tidur malam.***
24. Sidak tukang molah pagar,
pagar dipolah alu berolah,
***urang madah sik mouk dengar,
alu salah sik apat dipolah.***
25. Carik bidan pake berurut,
bidan tua pala jak tuyuk,
***alu sik pandei butak uruf,
abc pun masih sik tauk.***
26. Nanam bunga di tepi pagar,
pagar gik masih ada pakuk,
***urang ngajar sik maouk dengar,
alu salah sik maouk ngakuk.***
27. Banyak gilak asuk nyalak,
asuk hitam ditetak ngan parang,
***muka jak kacak putih gilak,
hati hitam nganok urang.***
28. Banyak urang pergi ke pasar,
pasar malam banyak payak,
***mun dah pande berpangkat besar,
budi bahasa jangan lupak.***

29. Sayur pakuk dijual dayak,
pakuk dijual berlembar-lembar,
***urang madah alu sik cayak,
laki dirikpun alu disambar.***
30. Kacak gilak Puteri Santubong,
muka manis sik apat dilawan,
***dah pende alu sombong,
sik sedar dolok ye tuan.***
31. Banyak benar kuih Mak Ande,
kuih dipolah nyaman dirasa,
***sik pande berlagak pande,
sampe lupak alu leka.***
32. Buah mutan berkait-kait,
alu diengkah dalam cupak,
***muka jak kacak perange sik bait,
bait urang alu dilupak.***
33. Beli di pasar mangkuk tebig,
mangkuk dibeli berbigik-bigik,
***olah sik bagus muka pun jaik,
bagus mati bunuh dirik.***
34. Banyak sekali beras diaruk,
pakei makan tepi jamban,
***muka kacak hati sik tauk,
jangan diarap jadi peneman.***
35. Tanam padi tepi serambi,
padi jambi banyak ampak,
lamek sik arap pada janji,
janji lelaki banyak pembulak.

36. Ale-ale terbang seberang,
tetak tuik ruang perauk,
pandei-pandei menganok urang,
jaik sendirik sik ditauk.
37. Gadis berjalan sangat cantik,
mari berjalan tepi jeraye,
kamek tidak memandang cantik,
kamek memandang budi bahasa.
38. Jalan-jalan pergi sekolah,
sekolah ada banyak cermin,
kamek sik arap pesan berbelah,
poket melayang ditiup angin.
39. Ale-ale tebing seberang,
neruju banyak batang berdurik,
pande-pande di tempat urang,
jangan berik badan senderik.
40. Mun kutauk periak pahit,
tidakku sayur buah petuala,
munku tauk bercinta sakit,
sikku maouk dari semula.